SAMPEL PERCUMA

Soalan Esei Sejarah Tingkatan 1 + Panduan Penskoran

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 1 MENGENALI SEJARAH

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita Dan Dunia	**TAJUK :** Pengenalan Ilmu Sejarah	**SK : 1.1 –** Pengenalan Ilmu Sejarah	**SP: 1.1.7** Membincangkan Kepentingan Mempelajari Sejarah

1.

Kepentingan subjek Sejarah dalam pembentukan insan menyebabkan pihak kerajaan memandang serius akan subjek tersebut dan subjek ini telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras yang sememangnya wajib diambil oleh para murid dari Tingkatan 1 hingga 5.

_____

(m.s 18 - 19)

(a) Mengapakah generasi muda hari ini wajib mempelajari sejarah? (6 Markah)

(b) Jelaskan kesan terhadap negara sekiranya pengetahuan sejarah diabaikan. (6 Markah)

(c) Bagaimanakah ilmu sejarah boleh dipelajari oleh generasi pada hari ini? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita Dan Dunia	**TAJUK :** Pengenalan Ilmu Sejarah	**SK : 1.1 –** Pengenalan Ilmu Sejarah	**SP: 1.1.5.** Menjelaskan Kaedah Penyelidikan Sejarah.

2.


Kaedah arkeologi merupakan kaedah yang digunakan secara saintifik untuk mencari maklumat sejarah daripada bahan tinggalan sejarah.

[Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 1, halaman 13]

(m.s 13 - 15)

(a) Senaraikan bahan tinggalan sejarah yang ditemukan melalui kaedah arkeologi. (6 Markah)

(b) Berikut ialah aktiviti di tapak penemuan arkeologi.



Terangkan proses aktiviti yang dilakukan di tapak arkeologi tersebut. (6 Markah)

(c) Cadangkan langkah yang perlu dilakukan terhadap penemuan arkeologi tersebut. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita Dan Dunia	**TAJUK :** Pengenalan Ilmu Sejarah	**SK : 1.1 –** Pengenalan Ilmu Sejarah	**SP: 1.1.4.** Membincangkan sumber sejarah.

3.

Sejarah ditulis berdasarkan kajian terhadap sumber sejarah, iaitu sumber primer dan sumber sekunder yang membantu kita untuk mengetahui sesuatu peristiwa masa lalu.

(m.s 8 - 9)

(a) Berikan perbezaan bagi ciri-ciri sumber primer dan sumber sekunder. (6 Markah)

(b) Jelaskan maksud artifak dan bukan artifak (6 Markah)

(c) Pada pandangan anda, apakah yang boleh dilakukan agar warisan sumber primer tidak dilupakan? (8 Markah)

PANDUAN PENSKORAN - BAB 1 MENGENALI SEJARAH

No. Soalan	Jawapan	Markah
1(a)	**F1** Mengenal asal-usul keluarga dan Negara **F2** Dapat memahami adat istiadat, tradisi, dan Budaya bangsa **F3** Mengambil iktibar daripada peristiwa lalu **F4** Mengukuhkan perpaduan antara kaum **F5** Meningkatkan keharmonian Negara **F6** Membangunkan Negara dan bangsa **F7** Mengekalkan kegemilangan Negara **F8** Mengaplikasikan kemahiran pemikiran sejarah **F9** Dapat membuat tafsiran terhadap sejarah **F10** Mendidik generasi mencintai Negara **F11** Memupuk semangat patriotisme ***(mana-mana 6 x1)***	***(6 markah)***
1(b)	**F1** Masyarakat tidak mempunyai semangat cinta akan Negara **F2** Tidak mempunyai semangat untuk mempertahankan Negara **F3** Tidak bersyukur keamanan Negara yang tercapai pada hari ini **F4** Tidak mengenali asal-usul kehidupan manusia **F5** Ketinggalan dari segi pengetahuan **F6** Tidak menghormati kaum lain **F7** Tidak mempunyai semangat jati diri **F8** Menjejaskan keharmonian Negara **F9** Menimbulkan perbalahan **F10** Perpaduan kaum akan terjejas **(Mana-mana jawapan munasabah)** ***(mana-mana 6 x1)***	***(6 markah)***
1(c)	**F1** Buku rujukan **F2** Buku Teks Sejarah **F3** Membaca Akhbar **F4** Membaca Majalah **F5** Melayari internet **F6** Membuat lawatan ke Muzium Negara **F7** Membuat kajian dokumen di Arkib Negara **F8** Mengunjungi tapak tinggalan sejarah **F9** Menghadiri kursus penyelidikan dan pembentangan sejarah **(Mana-mana jawapan munasabah)** ***(mana-mana 8 x1)***	***(8 Markah)***

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita Dan Dunia	**TAJUK :** Zaman Air Batu	**SK : 2.1 -** Zaman Air Batu	**SP: 2.1.1** Mengenali dunia kita **SP: 2.1.5** Membincang perubahan Zaman Air Batu **K2.1.9** Menghubung kait kepentingan masa lalu, kini dan hadapan dalam kehidupan

3. Perubahan iklim turut mempengaruhi bentuk fizikal bumi menjadi daratan dan lautan.
(m.s 28-37)

(a) Jelaskan kawasan muka bumi yang dikategorikan sebagai daratan. (6 Markah)

(b) Gambar berikut merupakan kesan terhadap perubahan yang berlaku pada bumi.





Terangkan tentang perubahan Zaman Air Batu Akhir terhadap bentuk fizikal muka bumi. (6 Markah)

(c) Jelaskan kegiatan manusia yang boleh menyebabkan berlakunya peningkatan suhu bumi dan cadangkan langkah untuk mengatasi masalah tersebut. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita Dan Dunia	**TAJUK :** Zaman Prasejarah	**SK : 3.1 -** Zaman Prasejarah	**SP: 3.1.3** Membandingkan ciri-ciri kehidupan pada zaman prasejarah **SP: 3.1.4** Menyatakan Kesinambungan Sumbangan Zaman Prasejarah kepada Kemajuan Kehidupan Manusia **K3.1.8** Menjelaskan Penghargaan Terhadap Kemajuan dalam Masyarakat Zaman Prasejarah

2. Zaman Logam dikatakan bermula sekitar 3,500 SM hingga 500 M. Pada zaman ini, berlaku banyak perkembangan dalam kehidupan manusia terutama dalam inovasi peralatan dan aktiviti ekonomi. *(m.s 52 - 63)*



(a) Jelaskan ciri-ciri kehidupan manusia Zaman Logam dari aspek tempat kediaman. (6 Markah)

(b) Masyarakat Zaman Prasejarah telah memberi banyak sumbangan terhadap kehidupan manusia pada masa kini dalam pelbagai aspek kehidupan. Buktikan bahawa manusia pada masa kini bijak memanfaatkan sumbangan masyarakat Zaman Prasejarah. (6 Markah)

(c) Pada pendapat anda, apakah nilai-nilai murni yang dapat dipelajari daripada masyarakat Zaman Prasejarah? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita dan Dunia	**TAJUK :** Tamadun Dunia dan Sumbangannya	**SK : 4.2** Peningkatan Tamadun dan Sumbangannya	**SP:** 4.2.3, **K** 4.2.8

3. Tamadun Rom terkenal dengan kepakaran seni bina. Binaan-binaannya juga mempunyai ketahanan tinggi yang masih kekal hingga kini. *(m.s 128-133)*


   (a) Jelaskan faktor yang mendorong perkembangan seni bina di Rom. (6 Markah)

   (b) Terangkan ciri-ciri keistimewaan binaan Pantheon. (6 Markah)

   (c) Apakah iktibar yang diperoleh daripada pembinaan binaan Pantheon? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita dan Dunia	**TAJUK :** Tamadun Dunia dan Sumbangannya	**SK : 4.2** Peningkatan Tamadun dan Sumbangannya	**SP: 4.2.4** Membincangkan peningkatan tamadun India dari aspek perluasan kuasa.

2. Rajah 1 menunjukkan bentuk perluasan kuasa yang dijalankan dalam Tamadun India. *(ms 143-145)*



(a) Huraikan perluasan kuasa bentuk fizikal yang dilakukan oleh pemerintah Dinasti Maurya. (6 Markah)

(b) Bandingkan perluasan kuasa yang dilakukan dari aspek keagamaan oleh Dinasti Maurya dengan Dinasti Gupta (6 Markah)

(c) Peperangan sangat dikecam dalam situasi dunia sebenar hari ini. Pada pandangan anda, apakah kesan yang berlaku akibat daripada peperangan? (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 1			
TEMA : Sejarah Kita dan Dunia	**TAJUK :** Tamadun Dunia dan Sumbangannya	**SK : 4.2** Peningkatan Tamadun dan Sumbangannya	**SP: 4.2.4** Membincangkan peningkatan tamadun India dari aspek perluasan kuasa.

3.

> Tamadun India berjaya menunjukkan peningkatan melalui perluasan kuasa secara fizikal dan keagamaan yang mempengaruhi kesinambungan pemerintahan untuk jangka masa yang lama. Kematian dan kemusnahan yang besar kesan daripada perluasan kuasa secara fizikal, menyebabkan pemerintah mengubah perluasan kuasa kepada penyebaran keagamaan. Jelaslah bahawa keamanan amat penting dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara. Oleh itu, kita hendaklah menanamkan sikap menghargai keamanan dan bekerjasama dalam pembinaan sesebuah tamadun.

(ms 145)

(a) Jelaskan faktor-faktor yang membolehkan pemerintah-pemerintah tersebut berjaya meluaskan kuasa. (6 Markah)

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah berlakunya perubahan bentuk perluasan kuasa secara fizikal kepada perluasan kuasa melalui penyebaran agama pada zaman Dinasti Maurya? (6 Markah)

(c) Mengapakah perluasan kuasa tidak wajar dilakukan pada masa kini? (8 Markah)

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar